

PM-FELDA

1984

BANDAR TON RAZAK (PAHANG), 10 MAC (BERNAMA) -- SERAMA 103,000
KELUARGA PENEROKA DI RANCANGAN FELDA DI SELURUH NEGARA AKAN
BERPELUANG MENINGKATKAN TARAF HIDUP MEREKA DARI ASPEK SOSIAL,
KEBAJIKAN DAN EKONOMI OENGAN PELANCARAN TABUNG SOSIO-EKONOMI PENEROKA
FELDA OLEH DATUK SERI O R . MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TABUNG ITU, YANG MODAL PERMULAANNYA BERJUMLAH \$10 JWTA DIJANGKA
AKAN BERTAMBAH PADA KAOAR \$2 JUTA SETAHUN OENGAN SUMBANGAN BERTERUSAN
DARIPADA PERBADANAN DAN SYARIKAT-SYARIKAT UBAHASAMA FELDA.

MATLAMAT TABUNG ITU ANTARA LAIN ADALAH UNTUK MEMUDAHKAN MEREKA
MENDAPAT PELUANG-PELUANG LATIHAN DALAM BIDANG PERNIAGAAN, PERUSAHAAN
KECIL, KEMUDAHAN-KEMUDAHAN BIABISWA ATAU PINJAMAN UNTUK ANAK-ANAK
PENEROKA .

IA JUGA AKAN DIGUNAKAN UNTUK MENGADAKAN ASRAMA DAN KEMUDAHAN
PENGINAPAN SEMENTARA BAGI PARA PENEROKA DI SAMPING MEMBERI BANTUAN
KEWANGAN KEPADA ORGANISASI PENEROKA.

DENGAN PELEPASAN BELONDIIRINGI OENGAN PALKUAN KOMPANG DAN REBANA
UBI, PEROANA MENTERI MELANCARKAN TABUNG ITU YANG DISAKSIKAN OLEH
40,000 ORANG DI RANCANGAN FELDA KERATONG TIGA GUGUSAN TUN RAZAK DI
SINI.

PM-FELDA 2 BANDAR TUN RAZAK

MEREKA YANG DATANG DARI 10 RANCANGAN FELDA YANG TERDAPAT DI
KERATONG TELAH WENGUCAPKAN IKRARTAA TSETIA KEPADA PERDANA MENTERI
DAN MELAUNGKAN +HIDUP MAHATHIR+ SERTA MEMBAWA SEPANDUK.

DATUK SERI O R . MAHATHIR SEMASA MELANCARKAN SKIM ITU MENSIFATKANNYA
SEBAGAI SATU LAGI USAHA UNTUK MEMBANTU PENEROKA MENINGKATKAN TARAF
HIDUP MEREKA.

KATANYA, SKIM FELDA YANG MELIPUTI KAWASAN SELUAS 1 JUTA DI NEGARA
INI MERUPAKAN SKIM TERBESAR DI DUNIA DAN PARA PENEROKA HARUS
BERBANGGA OENGAN KEJAYAAN ITU.

MENURUT DATUK SERI O R . MAHATHIR KELUASAN SKIM FELDA DAN KEUNTUNGAN
DARI HASIL KELAPA SAWIT DAN GETAHNYA JAUH MENGATASI ESTET BESAR
SEPERTI HARRISONS AND CROSSFIELD, SLME DARBY DAN GUTHRIE.

BELIAU BERHARAP SKIM FELDA AKAN TERUS MENJADI LEADER DALAM
PENGELUARAN KELAPA SAWIT DAN GETAH DI MASA DEPAN.

MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH, DATUK RAIS YATIM PULA
MENEGASKAN TABUNG ITU BUKAN MERUPAKAN TABUNG KEBAJIKAN DALAM ERTI
KATA WANG AKAN DIAGIHKAN ATAS BELA8 KASIHAN.

KATANYA, TABUNG ITU AKAN MEMBANTU MEREKA YANG RAJIN BERUSAHA BAGI
MENDAPATKAN TARAF HIDUP YANG BENAR-BENAR PRODUKTIF.

LAGI 1730:0M

NNNN

ZCZC 0616:

PM-FELDA 3 BANDAR TWN RAZAK

TABUNG ITU DILANCARKAN DI PAHANG MEMANDANGKAN 41 PERATUS DARI
KELUASAN 630,000 HEKTAR LADANG FELDA DI NEGARA INI BERADA DI NEGERI
INI DENGAN 35,000 KELUARGA PENEROKA.

DI AKHIR UPACARA, DATUK RAIS MENYAMPAIKAN CEK BERNILAI \$2.5 JUTA
SEBAGAI SUMBANGAN UNTUK TABUNG ITU.

DATUK SERI O R MAHATHIR DAN ISTERI JUGA MELAWAT TADIKA, SEKOLAH
LATIHAN YANG MENGELUARKAN KERAFTANGAN SERTA KAWASAN PERNIAGAAN DI
KERATONG SATU DAN LIMA.

BAGI PENEROKA, RAMLI ABDULLAH, HARI INI ADALAH PALING BERSEJARAH
KERNA PEROANA MENTERI SINGGAH DI RUMAHNYA DAN MENIKMATI JAMUAN
RINGAN.

BELIAU YANG BERASAL DARI KEDAH DAN MEMPUYAI DUA ORANG ANAK SEMPAT
BERGAMBAR OENGAN PERDANA MENTERI SEBAGAI KENANGAN ABADI.

-- BERNAMA 1732:0M